

# Qalam

Bilangan 36 Syawal – Julai 1953 60 Sen

## MANA AL-MUSLIMUN JOHOR?

Kalau kita perhati keadaan-keadaan di negeri kita ini dan demikian juga kalau kita pandang bagaimana hal ehwal yang mengenai agama itu dijadikan suatu sambil-sambilan jua, bahkan kerap kali pula keadaan dan hal ehwal agama itu dijadikan permainan dan sasaran untuk memburukkan kedudukan-kedudukan agama kita di sini, maka menurut pandangan kita, menubuhkan pertubuhan-pertubuhan Islam di seluruh negeri-negeri Melayu ini telah tiba saatnya yang mustahak sekali iaitu sebagaimana yang telah pernah kita syorkan beberapa kali di dalam ruangan ini.

Sesudah bertubuh Pertubuhan Islam Selangor maka di dalam hampir-hampir setahun yang lalu telah terbit di Johor berura-ura hendak menubuhkan sebuah pertubuhan Islam dengan nama “Al-Muslimun” dan adalah dikatakan bahawa undang-undang dasarnya telah pun digubal oleh beberapa orang yang menganjurkannya tetapi setelah berita itu terheboh dengan kenyataan Engku Ismail Yang di-Pertua Jabatan Agama Johor tentang ura-ura pertubuhan itu kepada akhbar nampaknya sesudah itu ia pun tenggelam – sebagaimana batu yang dilemparkan ke dalam laut dengan tidak meninggalkan walau sedikit pun riaknya.

Kita tidak mengetahui sebab-sebabnya mengapa ura-ura itu terbengkalai begitu sahaja. Kita hanya mendapat berita-berita yang mengatakan khabarnya sebab-sebab kerja-kerja itu terbengkalai tidak lain ialah kerana yang mengetuakan anjuran itu menghendaki bahawa tiap-tiap sesuatu hendaklah diurus

olehnya sendiri sedang urusan yang lain bertimbun-timbun tidak terkelola olehnya.

Jika benar yang demikian ini tentulah mendukacitakan pada hal perasaan dan kemahuan orang-orang pada masa sekarang menghendaki supaya ada pertubuhan-pertubuhan Islam berdiri dengan banyaknya di mana-mana tempat, dengan mengadakan bahagian masing-masing, yang dengan adanya kelak dapat digabungkan bagi seluruh Tanah Melayu bagi mengawal dan menjaga kemuliaan dan taraf kedudukan Islam di negeri ini-jangan menunggu belas kasihan orang, sama ada daripada bangsa sendiri yang bernama Islam tetapi bekerja kerana faedah diri atau disebalik daripada Islam, atau pun daripada bangsa lain yang telah dipelawa oleh orang Melayu yang bernama Islam untuk bersama-sama mengurus hal ehwal dan keadaan negeri ini-yang dengannya hal ehwal agama terletak di dalam kuasa mereka - “menunggu belas kasihan mereka”-jika ada.

Jika mereka-mereka yang bercita-cita hendak menegakkan agama di Johor itu membiarkan sahaja hal ehwal itu kepada seorang yang diharap mereka, dan orang yang diharap itu pula tidak meletakkan kepercayaan kepada orang-orang atau rakan-rakannya dalam menyempurnakan cita-cita itu, yakni berkehendak semua hendaklah diketahuinya belaka maka harapan bagi bertubuh “Al-Muslimun” di Johor itu hanya tinggal harapan jua, *ilā mā shā’ allāh*, kerana yang mengelolakannya masih juga berkata lagi “terlampau banyak kerja” yang lain, sedang kerja yang sangat mustahak untuk kebaikan agama dan yang sangat dituntut adanya terbengkalai dan terbiar padahal di sekeliling kita ejekan, cercaan dan sindiran bertubi-tubi didatangkan kepada orang-orang Islam.

Kalau demikian ini keadaannya maka pengakuan yang diberi oleh Engku Ismail kepada akhbar sedikit hari yang lalu tentang cita-cita menubuhkan “Al-Muslimun” di Johor itu adalah sangat-sangat mendukacitakan oleh kerana sekian lamanya cita-cita itu tak dapat tertubuh dan khabar beritanya pun tidak terdengar lagi hingga hari ini padahal kita yakin

umat Islam di Johor khususnya dan di seluruh Tanah Melayu amnya menunggu-nunggu langkah Johor itu oleh sebab kita cukup mengetahui bahawa bukan sedikit orang-orang kita yang menunggu-nunggu adanya sebuah pertubuhan Islam kerana mereka sudah menyedari bahawa dari satu ke satu masa Islam itu dipergunakan sebagai penarik dan sebagai topeng untuk membanyakkan ahli-ahli pertubuhan yang lain dengan mereka bukan sahaja membelakangkan ajaran-ajaran Islam tetapi pada satu masa telah mencerca dan menista kemuliaan agama itu.

Kita berharap mudah-mudahan “Al-Muslimun” tidak lagi dilengahkan tajaannya oleh penaja-penajanya dengan sebab “banyak kerja yang lain” sehingga terbiar begitu sahaja oleh sebab dengan tidak adanya persatuan kita. Kita tidak dapat menghadapi keadaan-keadaan yang dengan seketika-seketika berubah dengan cepatnya di negeri ini, jika kita tidak mempertahankan maka kedudukan hal ehwal agama kita dan harus juga kedudukan jabatab-jabatan agama itu tinggal mengurus hal ehwal ibadat di masjid-masjid sahaja dan mengatur khutbah dan selain daripada itu akan tergantung kepada belas kasihan orang yang bakal menguasai agama di dalam tuntutan kemerdekaan mereka iaitu kemerdekaan yang tidak sebagai kemahuan kita orang-orang Islam, yang jika tidak sepenuhnya sebahagian besar daripadanya.

Kita yakin bahawa tiap-tiap seseorang Islam semenjak dari kecilnya berperasaan merdeka dan berperasaan persamaan dan sebab itulah pendusta sangat perkataan-perkataan yang menuduh bahawa pertubuhan Islam anti kemerdekaan tetapi kemerdekaan yang dihajat oleh Islam itu hendaklah diketahui sebenar-sebenarnya merdeka yang jika mustahak mereka akan mempertahankannya dengan apa jua yang ada kepadanya adanya.

## WASIAT YANG BERHARGA

Dan Allah telah melebihkan sebahagian daripada kamu atas sebahagiannya tentang rezeki, maka hendaklah orang-orang yang diberi kelebihan itu memberikan rezeki itu atas orang-orang yang di bawah tanggungan mereka pada hal mereka pada tentang rezeki itu berhak sama. Adakah patut mereka ingkari nikmat Allah itu? – demikianlah maksud firman Allah surah al-Naḥl ayat 71.

\*\*\*

Imam Al-Ṭabrānī telah meriwayatkan suatu hadis daripada Saidina ‘Alī raḍi Allāh ‘anh yang maksudnya sesungguhnya Allah telah mewajibkan atas orang-orang Islam yang kaya tentang harta benda mereka itu supaya diberikan sekadar dapat melapangkan kehidupan orang-orang fakir mereka; dan orang fakir itu tidaklah sengsara apabila mereka itu lapar dan telanjang melainkan dengan sebab perbuatan sekalian orang yang kaya. Ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah akan mengadakan perhitungan bagi mereka itu dengan perhitungan yang sangat saksama dan menyiksa mereka dengan seksaan yang pedih.

\*\*\*

Datangilah isteri-isterimu bila kamu sukai dan berilah ia makan apabila engkau makan, dan berilah ia pakaian apabila engkau berpakaian, dan jangan engkau muramkan mukanya dan jangan engkau pukul. (maksud hadis sahih riwayat Abū Dāwūd)

\*\*\*

“(Mereka yang celaka itu ialah) yang menjadikan agama mereka sia-sia dan permainan kerana mereka diperdayakan oleh penghidupan dunia. Oleh sebab itu hari ini kami lupakan mereka sebagaimana mereka lupa kepada hari mereka ini, dan kerana itu mereka mengingkari ayat-ayat kami.” (maksud al-Quran surah al-A‘rāf ayat 51).